Pedang Kebesaran Diraja merupakan pedang pusaka yang diwarisi daripada Raja Pattani (nenda D.Y.M.M. Tengku Budriah binti Almarhum Tengku Ismail, Raja Perempuan Perlis (1949-2000) yang disimpan sebagai khazanah negeri dan dikeluarkan untuk kegunaan hanya bagi istiadat pertabalan DYMM Tuanku Raja. Mata pedang ini adalah mata yang asa. Bagaimanapun sarung dan pangkal yang bertatahkan emas telah dibaikpulih sempena Pertabalan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis Ke VII pada 7 Mei 2001.

## JATA DIRAJA



Jata Diraja merupakan sebahagian daripada alat kebesaran Diraja. Ianya diperbuat daripada emas putih dengan rekabentuk lambang Negeri Perlis. Jata Diraja ini diletakkan di bahagian hadapan Tengkolok Diraja dan dipakai oleh DYMM Tuanku Raja semasa Baginda berpakaian penuh istiadat dalam semua Istiadat Rasmi.

# ALAT KEBESARAN DIRAJA



## KALUNG DIRAJA

Kalung Diraja merupakan Alat Kebesaran Diraja yang digandingkan bersekali dengan Gendik Diraja. Ianya diperbuat daripada emas putih bertatahkan penuh dengan permata berlian. Kalung Diraja dipakai oleh DYMM Tuanku Raja Perempuan bersekali dengan Gendik Diraja dalam semua Istiadat Rasmi.

## SINGGAHSANA

Merupakan tempat Bersemayam Diraja yang melambangkan Takhta Kerajaan negeri Perlis. Singgahsana ini dibina pada tahun 1986 dengan menggunakan kayu jati pertama yang terdapat di Negeri Perlis.



## SEPASANG KERIS PANJANG

Keris panjang merupakan sejenis alat bermata besi tajam dan panjang. Hulu dan sarungnya diperbuat daripada kayu jenis ternama dan di varnis berkilat serta diukir penuh simbolik bagi melambangkan keunggulan dan kebesaran istana. Sarungnya juga dililitkan dengan pergelangan perak bertatahkan emas hingga ke hujungnya berlitup. Keris panjang ini disandang oleh dua orang penjawat berpakaian lengkap istiadat dan dikeluarkan untuk kegunaan hanya semasa keberangkatan masuk DYMM Tuanku Raja ke Balairung Seri dan semasa keberangkatan Baginda meninggalkan balairong seri setelah selesai Istiadat rasmi.



## KERIS KUASA RAJA MUDA



Keris yang diwujudkan khas sempena Pemasyhuran DYTM Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail diperbuat daripada besi waja bermutu tinggi. Keris ini merupakan KERIS KUASA RAJA MUDA. Hulu keris, sampir dan sarungnya diperbuat daripada gading bermutu dan diperlicinkan secara halus dan berkilat. Hulu keris dan pendukuh diukirkan sebegitu rupa bagi melambangkan kuasa, manakala sarungnya pula berukir dengan seni ukir halus tamadun Islam berwarna keemasan dengan hujungnya mampan berbingkai. Keris kebesaran ini yang dimeterai dengan lambang Negeri Perlis di permukaan sampirnya telah dipersembahkan oleh Menteri Besar Perlis sempena Istiadat Pemasyhuran DYTM Tuanku Syed Faizzuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail sebagai Raja Muda Perlis pada 20 Oktober 2000 dan akan dipakai (diselitkan) oleh DYTM Raja Muda dalam semua istiadat rasmi.

## SEPASANG PEDANG ISTIADAT

Pedang merupakan satu peralatan yang matanya diperbuat daripada besi waja berbentuk panjang, lentik dan hujungnya tajam. Pangkal dan sarungnya diperbuat daripada kayu ternama, di varnis berkilat dan diukir halus dan penuh simbolik melambangkan keagungan dan kebesaran istana. Sarung pedangnya ini diperkemaskan lagi dengan lilitan pergelangan perak bertatahkan emas hingga ke hujungnya bertutup. Sepertimana peralatan istiadat yang lain, pedang ini juga disandang oleh dua orang penjawat berpakaian penuh istiadat dan dikeluarkan untuk kegunaan di istana hanya semasa keberangkatan masuk DYMM Tuanku Raja ke Balairung Seri dan semasa Baginda berangkat meninggalkan Balairung Seri setelah selesainya istiadat rasmi.



## SUNDANG



Sundang adalah sejenis alat bermata besi panjang dan tajam. Hulu sampir dan sarungnya diperbuat daripada kayu kemuning jenis ternama yang di varnis berkilat dan diukir penuh simbolik bagi melambangkan keagungan alat kebesaran istana. Sarungnya pula diperkemaskan dengan lilitan pergelangan perak bertatahkan emas dengan hujungnya berlitup. Sundang juga disandang oleh dua orang penjawat berpakaian lengkap istiadat dan dikeluarkan untuk kegunaan hanya semasa keberangkatan masuk DYMM Tuanku Raja ke Balairung Seri dan semasa keberangkatan baginda meninggalkan Balairung Seri setelah selesai Istiadat.

## PAYUNG ISTIADAT



Sejumlah lapan unit payung diletak secara statik di kiri dan kanan singgahsana di Balairung Seri. Payung yang berwarna kuning Diraja setiap satu memaparkan lambang negeri Perlis, di bahagian atas dengan tepinya ditekat dengan peramu berwarna keemasan melambangkan keagungan pemerintahan Raja berdaulat yang secara simbolik melambangkan perlindungan kepada seluruh rakyat jelata yang bernaung di bawah pemerintahan baginda. Payung ini hanya dikembangkan sepenuhnya semasa DYMM Tuanku Raja berangkat ke Balairung Seri untuk istiadat rasmi. Kesemua payung ini akan ditutup separuh setelah selesai sesuatu istiadat rasmi dan disimpan di tempat yang sama.

## TOMBAK

Tombak merupakan alat senjata bermata besi tajam dengan batang panjang bersalut perak di beberapa bahagian tertentu. Tombak ini dikeluarkan untuk kegunaan hanya semasa keberangkatan masuk DYMM Tuanku Raja bagi semua Istiadat rasmi yang berlangsung di Balairung Seri dan semasa Baginda berangkat meninggalkan Balairung Seri setelah selesai sesuatu istiadat rasmi. Tombak ini disandang oleh dua orang penjawat berpakaian lengkap istiadat.



# DARJAH - DARJAH KEBESARAN



**DARJAH KERABAT DI RAJA PERLIS**
**Ringkasnya D.K.P.**

Dizahirkan pada 17 Mei 2001. Darjah ini tidak membawa apa-apa gelaran. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Dizahirkan khususnya dan dikurniakan hanya kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.



**DARJAH KERABAT BAGINDA**
**TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.K.**

Dizahirkan pada 21 September 1965. Penerima kurnia bagi Darjah ini tidak membawa apa-apa gelaran. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana dikurniakan kepada DYMM Raja-Raja, Kerabat-Kerabat Diraja Perlis yang kanan serta pihak tertentu atas limpah perkenan DYMM Tuanku Raja Perlis.

# DARJAH - DARJAH KEBESARAN

**DARJAH DATO' BENDAHARA SERI JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.B.S.J.**

Dizahirkan pada tahun 2006. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah ini dikurniakan atas perkenan DYMM Tuanku Raja Perlis. Darjah ini merupakan penghormatan yang sangat tinggi kepada penerima. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Bendahara Seri Diraja Negara.



**DARJAH SERI SETIA**
**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkasnya S.S.S.J.**

Dizahirkan pada 17 Mei 2001. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah ini dikurniakan kepada Kerabat-Kerabat Diraja Perlis dan juga kepada pihak-pihak tertentu atas limpah perkenan DYMM Tuanku Raja Perlis. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Diraja. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin Seri Diraja.



# DARJAH - DARJAH KEBESARAN



**DARJAH SETIA PADUKA**
**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkas S.P.S.J.**

Dizahirkan pada tahun 2005. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Setia Diraja.



**DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA PERLIS**
**Ringkas S.P.M.P**

Dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Seri. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin Seri.

# DARJAH - DARJAH KEBESARAN



**DARJAH DATO' SETIA**
**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.S.S.J.**

Dizahirkan pada 17 Mei 2001. Darjah ini dikurniakan kepada Kerabat-Kerabat Diraja dan juga kepada pihak-pihak tertentu atas limpah perkenan Ke bawah DYMM Tuanku Raja Perlis. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Paduka. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin Paduka.



**DARJAH DATO' WIRA**
**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.W.S.J.**

Dizahirkan pada tahun 2005. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato' Wira.

# DARJAH - DARJAH KEBESARAN



**DARJAH DATO' PADUKA MAHKOTA PERLIS**
**Ringkasnya D.P.M.P.**

Dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah ini mengandungi Bintang, Selepang dan Lencana. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato'. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin.



**DARJAH DATO' SETIA PADUKA**
**TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.S.P.J**

Dizahirkan pada tahun 2005. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato'. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin.

# DARJAH - DARJAH KEBESARAN

**DARJAH DATO' PANGLIMA SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
**Ringkasnya D.P.S.J**

Dizahirkan pada 25 Februari 1995. Darjah ini mengandungi Kalung, Bintang dan Lencana Leher. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada Negeri Perlis. Penerima kurnia bagi darjah ini membawa gelaran Dato'. Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin.



**DARJAH DATO' BERGELAR**

Dizahirkan pada 27 Disember 1978. Pengurniaan Dato' Bergelar membawa gelaran mengikut Pengurniaan itu sendiri. Dato' - Dato' Bergelar yang telah diperkenankan diwujudkan sehingga penerbitan ini adalah seperti berikut :

i) Dato' Kurnia Bakti
ii) Dato' Indera Perkasa
iii) Dato' Indera Dewa
iv) Dato' Indera Jaya
v) Dato' Indera Pahlawan
vi) Dato' Alim Panglima
vii) Dato' Kaya Bakti
viii) Dato' Setia Jaya
ix) Dato' Alim Setia
xi) Dato' Lela Perkasa

Gelaran untuk isteri penerima ialah Datin.



# PINGAT - PINGAT KEBESARAN



**DARJAH SETIA MAHKOTA PERLIS**
**Ringkasnya S.M.P**

Dizahirkan pada 21 September 1965. Darjah ini mengandungi Lencana Leher.



**DARJAH SERI SIRAJUDDIN PERLIS**
**Ringkasnya S.S.P**

Dizahirkan pada tahun 2005. Darjah ini mengandungi Lencana Leher dan dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan berjasa kepada Negeri Perlis.



DARJAH AHLI MAHKOTA PERLIS
Ringkasnya A.M.P

Dizahirkan pada 27 Jun 1971. Darjah ini mengandungi Pingat. Darjah dikurniakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Perlis. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.

# PINGAT - PINGAT KEBESARAN

**PINGAT MAHKOTA PERLIS**
**Ringkasnya P.M.P**

Dizahirkan pada 22 Jun 1995. Pingat ini dikurniakan kepada sesiapa yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Perlis. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.



**PINGAT KEBERANIAN HANDAL**
**Ringkasnya P.K.H**

Dizahirkan pada 22 Ogos 1953. Pingat ini boleh dikurniakan kepada sesiapa di dalam Negeri Perlis yang telah menunjukkan keberanian handal di dalam kejadian yang sangat-sangat membahayakan dirinya. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.



PINGAT PEKERTI TERPILIH
Ringkasnya P.P.T

Dizahirkan pada 18 Ogos 1960. Pingat ini boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah melakukan di dalam Negeri Perlis ini sesuatu perbuatan atau beberapa perbuatan pekerti yang terpilih di dalam keadaan yang membahayakan dirinya. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.



# PINGAT - PINGAT KEBESARAN



**PINGAT JASA KEBAKTIAN**
**Ringkasnya P.J.K**

Dizahirkan pada 22 Oktober 1953. Pingat ini boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah melakukan jasa kebaktian kepada Negeri Perlis. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.



**PINGAT JASA BAIK**
**Ringkasnya P.J.B.**

Dizahirkan Pada 30 Jun 1968. Pingat ini boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan taat kepada Negeri Perlis. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.



PINGAT PERKHIDMATAN LAMA
Ringkasnya P.P.L.

Dizahirkan pada 4 Julai 1962. Pingat ini diberi kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat dengan cemerlang melebihi 25 tahun. Pingat yang di sebelah kiri adalah untuk wanita.

# KERATAN AKHBAR

# KERATAN AKHBAR

## Raja Muda Perlis, Yang di-Pertua Melaka sertai Program Cycle Jom Perlis

FOTO: BERNAMA

**MELAKA** - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail semalam berkenan menyertai Program Cycle Jom Perlis yang turut disertai Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam.

Program berbasikal sejauh 22 kilometer dan melibatkan lima perhentian itu bertujuan memperkukuhkan lagi hubungan di antara kerajaan Perlis dan Melaka selain menyemarakkan sambutan Hari Malaysia yang bakal diraikan 16 September ini.

Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan untuk bersama-sama isteri Yang di-Pertua Negeri Melaka, Toh Puan Asmah Abd Rahman melepaskan peserta program.

Penyelaras program, Arif Faiz Zainudin berkata, sebahagian peserta dari Perlis merupakan ahli Team Tayar Golek (TTG), sebuah pertubuhan berbasikal yang diasaskan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang bertujuan melaksanakan program kebajikan.

"Sehingga hari ini (semalam) TTG telah melaksanakan 607 program termasuk Program Cycle Jom Perlis dan program hari ini (semalam) bertujuan menyemai semangat cintakan negara dan menghargai erti kemerdekaan yang dikecapi selama ini," katanya. - *Bernama*



Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (dua dari kanan) dan Mohd Ali (kanan) bersiap sedia sebelum memulakan kayuhan pada Program Cycle Jom Perlis bermula di Dataran Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan, Melaka semalam. Program berbasikal sejauh 22 kilometer itu melibatkan lima perhentian.

## Raja Muda Perlis titah rakyat beri kerjasama jayakan Banci 2020

SH / 29.09.2020 / MS 26



Tuanku Syed Faizuddin (kanan) menerima menghadap Mohd Uzir di Galeri Diraja Arau, Perlis semalam untuk mempersembahkan perincian berkaitan Banci 2020.

**ARAU** - Dapatan Banci 2020 disifatkan membantu pelaksanaan agenda 'Perlis Go Digital 'bagi merancakkan lagi perancangan pembangunan negeri Perlis.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sehubungan itu bertitah supaya rakyat memberikan kerjasama menjayakan Banci 2020 untuk keperluan masa depan negara.

"Diharapkan semua jentera kerajaan Persekutuan, negeri dan komuniti memberi sokongan dan kerjasama kolektif dalam Banci 2020 serta memastikan segala maklumat yang diberi berintegriti, berkualiti dan dipercayai," titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah agar semua rakyat menjayakan Banci 2020 dengan sebaiknya dengan mengemas kini maklumat dengan tepat.

"Beta harap setiap rakyat Perlis berjaya dibanci dalam mencorakkan sebuah pembangunan dan kehidupan lebih lestari dan sejahtera pada masa akan datang," titah baginda lagi.

Terdahulu, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat menerima sembah menghadap hormat Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin di Galeri Diraja Arau di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis, A Pathmavathi dan Perangkawan, Wan Mohamad Hanif Wan Adnan.

Sembah menghadap itu bertujuan mempersembahkan penerangan kepada baginda berkaitan Banci 2020 yang dilaksanakan bagi fasa pertama bermula 7 Julai hingga 30 September, manakala fasa kedua bermula 7 hingga 24 Oktober bertemakan 'Data Anda Masa Depan Kita'.

## *Raja Muda, Puan Muda Perlis zahir ucapan takziah*

**Kangar:** Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil merakamkan ucapan takziah kepada Relow a/p Alang, isteri mendiang Sarjan Baharuddin Ramli yang terkorban dalam kejadian serangan di sempadan Malaysia-Thailand, Selasa lalu.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah, baginda berharap keluarga mendiang terus tabah dalam mengharungi ujian dan sesungguhnya pemergian mendiang adalah kehilangan yang besar buat semua.

"Mendiang merupakan wira negara yang sanggup mengadaikan nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara," titah baginda menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di sini, semalam.

Baginda berdua turut mengutuskan ucapan takziah kepada Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA), Senior Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji dan Batalion 3 PGA yang diketuai Superintendan Rosman Kasman atas kehilangan itu.

"Beta mendoakan agar seluruh warga kerja serta seisi keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat, dilanjutkan usia dan dimurahkan rezeki serta dipermudahkan segala urusan," titah baginda.

Dalam insiden itu, selain Baharuddin, 54, rakannya, Sarjan Norihan a/l Tari, 39, parah dalam kejadian berbalas tembakan dengan sekumpulan penyeludup, kira-kira 600 meter dari pos kawalan TS9 di Padang Besar, Perlis. - Bernama

## Rakyat jangan sebar berita tak sahih: Raja Muda Perlis

**Arau:** Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, menitahkan rakyat tidak menyebarkan berita tidak sahih susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bersasar (TEMCO) di dua kampung di Kuala Sanglang, dekat sini.

Tindakan itu, titah baginda yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), dikhuatiri akan mencetus suasana panik dalam masyarakat.

Justeru, baginda menitahkan semua pihak bersikap rasional dan membuat rujukan maklumat daripada sumber sahih iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) terlebih dahulu.

"Apabila terlalu banyak 'khabar angin' (berita tidak sahih), ia menjadi satu beban tambahan kepada kerajaan bagi meredakan suasana panik dan ia juga mengganggu usaha pihak berkuasa menjalankan saringan kepada mereka yang terbabit.

"Wajar jika orang ramai memberikan kerjasama kepada petugas barisan hadapan selain turut membantu penduduk yang berkemungkinan terjejas susulan pelaksanaan TEMCO," titah baginda dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Raja Muda Perlis berkenan menghadiri 'Program Hijrah Minda MAIPs di Masjid Al-Abrar Kubang Gajah, Arau.

Pada majlis itu MAIPs dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis mengagihkan 300 pek bantuan makanan kepada penduduk terjejas susulan pelaksanaan TEMCO di Kampung Tanah Timbul dan Kampung Kuala Sanglang.

BERNAMA

# JAWATANKUASA

## SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KE 79 DYMM TUANKU RAJA PERLIS

**1. Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YAB Menteri Besar Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Urus Setia | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |

**2. Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | SUK, Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol, Istiadat |

**3. Jawatankuasa Kecil Kewangan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Pegawai Kewangan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | SUK, Bahagian Khidmat Pengurusan (Kewangan) |

**4. Jawatankuasa Kecil Istiadat Perbarisan Kawalan Kehormatan Utama**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Panglima 6 Briged |
| Timbalan Pengerusi | : | Pegawai Memerintah Batalion Ke 4 RRD |
| Urus Setia | : | 1. Markas 6 Briged; dan<br>2. 4 RRD |

**5. Jawatankuasa Kecil Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | 1. SUK, Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol dan Istiadat; dan<br>2. SUK, Bahagian Dewan Undangan Negeri |

**6. Jawatankuasa Kecil Majlis Santapan Negeri**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | SUK, Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol dan Istiadat |

**7. Jawatankuasa Kecil Perasmian Masjid**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Tuan Ruzaini bin Rais |
| Timbalan Pengerusi | : | Pengarah Hal Ehwal Agama Islam Perlis |
| Urus Setia | : | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis |

**8. Jawatankuasa Kecil Program DYMM Tuanku Raja Perlis Menyantuni Rakyat**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | SUK, Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol & Istiadat |

**9. Jawatankuasa Kecil Persiapan Tempat**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Tuan Hamizan bin Hassan |
| Timbalan Pengerusi | : | Pengarah Kerja Raya Negeri Perlis |
| Urus Setia | : | Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis |

**10. Jawatankuasa Kecil Perubatan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Tuan Teh Chai Aan |
| Timbalan Pengerusi | : | Pengarah Kesihatan Negeri Perlis |
| Urus Setia | : | Jabatan Kesihatan Negeri Perlis |

**11. Jawatankuasa Kecil Siaraya, Publisiti, Banner, Dokumentasi dan Video**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Puan Rozieana bt Ahmad |
| Timbalan Pengerusi | : | 1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan);<br>2. Pengarah Penerangan Negeri Perlis; dan<br>3. Pengarah Penyiaran Negeri Perlis<br>4. Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |
| Urus Setia | : | 1. SUK, Unit Pengurusan Korporat dan Integriti; dan<br>2. Jabatan Penerangan Negeri Perlis<br>3. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |

**12. Jawatankuasa Kecil Hiasan, Kebersihan, Pencahayaan, Pintu Gerbang dan Jejantas**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Tuan Azizan bin Sulaiman |
| Timbalan Pengerusi | : | 1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) |
| Urus Setia | : | 1. Majlis Perbandaran Kangar<br>2. Unit Pengurusan Korporat dan Integriti<br>3. SWCorp |

**13. Jawatankuasa Kecil Teks Ucapan dan Sisipan Akhbar**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) |
| Urus Setia | : | 1. SUK, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri; dan<br>2. SUK, Unit Pengurusan Korporat dan Integriti |

**14. Jawatankuasa Buku Program**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| Urus Setia | : | 1. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis; dan<br>2. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |

**15. Jawatankuasa Kecil Persiapan Istana**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Setiausaha Sulit Kanan kepada DYMM Tuanku Raja Perlis |
| Urus Setia | : | Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis |

**16. Jawatankuasa Kecil Sambutan Hotel**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YB Puan Asmaiza bt Ahmad |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) |
| Urus Setia | : | 1. SUK, Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri;<br>2. SUK, Bahagian Perumahan; dan<br>3. SUK, Bahagian Kerajaan Tempatan |

**17. Jawatankuasa Kecil Keselamatan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | YDH Ketua Polis Negeri Perlis |
| Timbalan Pengerusi | : | Timbalan Ketua Polis Negeri Perlis |
| Urus Setia | : | Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis |

# SEKALUNG BUDI

UCAPAN SETINGGI PENGHARGAAN
DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA
JABATAN / AGENSI / PERTUBUHAN / INDIVIDU
YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG
ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN
ACARA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN
KEPUTERAAN KE-79 DYMM TUANKU RAJA PERLIS

HTTPS://WWW.PERLIS.GOV.MY/DYMM2